

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [ LABIS ]**

**SOALAN**

**TUAN PANG HOK LIONG** minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sehingga ke hari ini Kg Kudong di Bekok, Johor masih tiada bekalan air rawatan. Bilakah Kementerian akan menyediakan belakan air rawatan (kemudahan asas) kepada kampung tersebut untuk menjaga kesihatan dan kesejahteraan penduduk-penduduknya memandangkan RMK12 telah dibentangkan di Parlimen baru-baru ini.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian mengambil maklum permohonan daripada Kg Kudong, Bekok Johor berkenaan dan akan dimasukkan dalam perancangan RMK12 tertakluk kepada senarai keutamaan Negeri dan pematuhan kepada garis panduan dan skop Bekalan Air Luar Bandar yang dilaksanakan oleh KPLB.